



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA

**PENGUMUMAN KEPUTUSAN PEPERIKSAAN
SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA (STPM) 2019**

oleh

**YBHG. PROF. EMERITUS DATO IR. DR. MOHD. AZRAAI BIN KASSIM
PENERUSI MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA**

yang juga

NAIB CANSOLOR UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)



"Menjana Pentaksiran Jitu"

**25 FEBRUARI 2020 (SELASA)
DEWAN BESAR, MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA
12:00 TENGAH HARI**





**PENGUMUMAN KEPUTUSAN PEPERIKSAAN
SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA (STPM)
TAHUN 2019**

oleh

**YBHG. PROF. EMERITUS DATUK IR. DR. MOHD AZRAAI
BIN KASSIM**
PENGERUSI MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA (MPM)
yang juga
NAIB CANSELOR UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)

Assalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Harapan

Bilangan Calon

1. Sukacita saya, sebagai Pengerusi Majlis Peperiksaan Malaysia memaklumkan bahawa bilangan calon yang **mendaftar** untuk menduduki peperiksaan STPM 2019 adalah sebanyak 46,237 calon manakala yang hadir adalah sebanyak **44,823 calon** (96.94 peratus). Bilangan calon yang mendaftar untuk menduduki STPM 2019 telah meningkat sebanyak 4.40 peratus berbanding dengan STPM 2018, iaitu 44,289 calon.

Bilangan Calon Mengikut Aliran

2. Dari segi aliran yang hadir pula, bilangan **calon aliran Sains Sosial (Arts)** yang hadir adalah sebanyak 40,149 calon (89.57 peratus) manakala 4,674 calon (10.43 peratus) adalah **calon aliran Sains**.

3. Mata pelajaran **Pengajian Am** adalah mata pelajaran wajib dan mempunyai bilangan calon **mendaftar** yang **tertinggi**, iaitu sebanyak **46,230 calon** (7 calon tidak mendaftar Pengajian Am).

PENCAPAIAN KESELURUHAN CALON

4. Sehubungan itu, dimaklumkan bahawa secara keseluruhannya pencapaian PNGK calon peperiksaan STPM 2019, ialah **2.77** berbanding dengan pencapaian PNGK STPM 2018, 2.80, iaitu perbezaan **PNGK - 0.03 mata**. Manakala, PNGK calon **sekolah kerajaan** sama dengan **PNGK Nasional**, iaitu **2.77**. Walau bagaimanapun, PNGK Nasional, 2.77 ini pada STPM 2019 masih **mengatasi** PNGK tahun 2017, 2016, 2015, 2014, dan 2013. Perbezaan PNGK ini **tidak memberikan signifikan** kepada pencapaian calon STPM 2019 keseluruhannya.

5. Ini kerana
 - (a) terdapat **peningkatan** pada bilangan calon yang mendapat **PNGK 4.00** (bertambah sebanyak **136** calon, 2019 sebanyak 802 calon manakala pada tahun 2018: 666 calon);
 - (b) terdapat **pertambahan** bilangan calon pada PNGK 3.00-3.99 (bertambah sebanyak **168** calon, 2019: 17,615 calon; 2018: 17,447 calon), PNGK 2.75-2.99 (bertambah sebanyak **153** calon, 2019: 6,423 calon; 2018: 6,270 calon), dan PNGK 2.00-2.74 (bertambah sebanyak **972** calon, 2019: 14,694 calon; 2018: 13,722 calon);

- (c) terdapat kenaikan peratusan dan bilangan calon yang mendapat 5A (bertambah sebanyak 18 calon, 2019: 42 calon; 2018: 24 calon) dan
- (d) terdapat juga kenaikan peratusan dan bilangan calon yang mendapat 4A (bertambah sebanyak 118 calon, 2019: 760 calon; 2018: 642 calon).
6. Lebih menggembirakan daripada keseluruhan calon sebanyak 802 orang yang mendapat PNGK 4.00, 587 calon atau 73.19 peratus daripadanya adalah daripada golongan **B40**.
7. Dengan pertambahan bilangan calon pada PNGK yang telah disebut ini, maka boleh dijadikan jangkaan, Insya-Allah, bahawa bilangan lepasan STPM yang akan diterima masuk ke Universiti Awam dijangkakan adalah **LEBIH BESAR** berbanding bilangan calon pada tahun sebelumnya.

PNGK Calon Mengikut Lokasi Bandar Dan Luar Bandar

8. Berdasarkan perbandingan PNGK secara keseluruhan (PNGK 1.00-4.00) antara calon bandar dan luar bandar, didapati perbezaan jurang pencapaian antara calon bandar dengan calon luar bandar dalam peperiksaan STPM 2019 **MASIH RAPAT** walaupun sedikit mengembang, iaitu daripada 0.01 mata kepada 0.02 mata sahaja dalam peperiksaan STPM 2019. Pencapaian PNGK calon bandar adalah 2.78 manakala PNGK calon luar bandar adalah 2.76.

PENINGKATAN CALON YANG MENDAPAT 5A DAN 4A BAGI SETIAP MATA PELAJARAN

9. Lebih membanggakan dalam peperiksaan STPM 2019, bilangan calon yang mendapat **5A dalam kelima-lima mata pelajaran yang diambil** telah **BERTAMBAH** daripada 24 calon pada peperiksaan STPM 2018 kepada **42 calon** dalam peperiksaan STPM 2019. **Pertambahan** sebanyak **18 calon** atau **75 peratus calon** berbanding tahun sebelum. Daripada 42 calon yang mendapat 5A ini, **27** daripadanya adalah daripada kategori calon **B40**.
10. Begitu juga dengan bilangan calon yang **mengambil empat mata pelajaran** dan mendapat **4A** dalam peperiksaan STPM 2019 juga telah **BERTAMBAH** daripada 642 calon kepada **760 calon**. **Pertambahan** sebanyak **118 calon** atau **18.38 peratus** daripada tahun 2018. Daripada 760 calon ini, **560** daripadanya adalah kategori **B40**.

PENCAPAIAN CALON MENGIKUT KELULUSAN LULUS PENUH (PERINGKAT PRINSIPAL)

11. Dalam peperiksaan STPM, lulus penuh adalah daripada **gred C ke atas**, lulus sebahagian adalah antara gred C- ke gred D, dan gagal adalah pada gred F.
12. Untuk mengukur pencapaian keseluruhan calon STPM berdasarkan kelulusan lulus penuh dalam mata pelajaran, lulus penuh dalam lima dan empat mata pelajaran telah diambil kira. Seperti yang telah dimaklumkan, Bahagian Pengurusan

Kemasukan Pelajar (BPKP), Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menetapkan syarat bahawa dalam suatu peperiksaan STPM, **lulus penuh dalam empat mata pelajaran terbaik sahaja termasuk mata pelajaran Pengajian Am** akan dipertimbangkan untuk memasuki Universiti Awam.

13. **Bilangan calon** yang mendapat lulus penuh dalam lima dan empat mata pelajaran berbanding STPM 2018 telah mencatatkan **PERTAMBAHAN** bilangan calon sebanyak **1,162** calon berbanding tahun sebelum menjadikan keseluruhan calon bertambah daripada 31,859 calon kepada **33,021** calon pada tahun 2019. Calon sekolah kerajaan yang mendapat lulus penuh dalam lima dan empat mata pelajaran adalah sebanyak **32,878** calon.

PRESTASI MATA PELAJARAN

14. Secara keseluruhannya, **kesemua 22 mata pelajaran** yang ditawarkan dalam peperiksaan STPM 2019 telah mencatatkan peratusan **lulus penuh melebihi 70 peratus**, iaitu gred C dan ke atas.
15. Dalam peperiksaan STPM 2019, **empat mata pelajaran** telah menunjukkan perbezaan peningkatan dalam prestasi lulus penuh berbanding dengan prestasi pada tahun sebelumnya yang **melebihi 3.00 peratus** berbanding peperiksaan STPM 2018, manakala 18 mata pelajaran lain kekal prestasinya seperti pada tahun lepas. Empat mata pelajaran yang meningkat prestasinya, iaitu

- (a) Bahasa Tamil,
- (b) Bahasa Arab,
- (c) Usuluddin, dan
- (d) Mathematics T.

PENETAPAN STANDARD

16. Penetapan standard STPM 2019 dilaksanakan dengan efisien melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pensijilan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia 2019 dengan dinasihati dan diselia oleh Cambridge Assessment International Education, United Kingdom. Nasihat dan penyeliaan secara berterusan dari Cambridge Assessment International Education, UK adalah bertujuan mengekalkan standard yang telah dilaksanakan semenjak STPM 1982 dan STPM diterima di peringkat antarabangsa (global). Pengiktirafan dari Cambridge Assessment International Education, UK ini terzahir di belakang Sijil STPM. Wakil dari Cambridge Assessment International Education, UK yang hadir pada Mesyuarat Jawatankuasa Pensijilan STPM 2018 ialah Mr. Mark Dowling dan Mrs. Kate Jenkinson, *Consultant of Cambridge Assessment International Education, UK*. Mr. Mark Dowling telah merumuskan:

"The meetings were conducted in the familiar efficient way, using the excellent Excel spreadsheets which enabled us to see readily the effect of alternative thresholds for individual modules." – Mr. Mark Dowling, Consultant of Cambridge Assessment International Education, UK.

17. Sukacita saya memaklumkan bahawa keputusan peperiksaan STPM 2019 akan dikeluarkan pada hari ini, **Selasa, 25 Februari 2020**. Calon sekolah kerajaan dan sekolah swasta boleh mendapatkan slip keputusan di sekolah masing-masing pada jam **12:00 tengah hari ini**, manakala calon persendirian akan mendapat slip keputusan mereka melalui pos. Di samping itu, semua calon boleh mendapatkan keputusan peperiksaan melalui portal MPM [www.mpm.edu.my] dan juga melalui SMS (sistem mesej singkat) di talian 15888 pada 25 Februari 2020.

ANUGERAH PELAJAR TERBAIK

18. Dalam peperiksaan STPM 2019, Majlis Peperiksaan Malaysia telah memilih **19 pelajar terbaik** mengikut kategori untuk diberikan anugerah.
19. Terdapat **tiga pelajar istimewa** terbaik dan akan diberikan penghargaan dan ganjaran khas sebagai menghargai usaha mereka untuk mencapai keputusan yang terbaik walaupun menghadapi pelbagai kesukaran dalam keadaan jerih-perih.
20. Bagi menyokong dasar Kementerian Pendidikan Malaysia terhadap pendidikan untuk murid Orang Asli, iaitu memastikan Orang Asli diberi peluang untuk mendapatkan akses kepada pendidikan yang berkualiti dan relevan, Majlis Peperiksaan Malaysia meneruskan lagi pemberian penghargaan dan anugerah yang diperkenalkan pada tahun 2014 kepada **seorang pelajar Orang Asli**.

21. MPM akan memberikan anugerah kepada seorang pelajar terbaik kategori **B40**.
22. Seperti pada tahun-tahun yang lepas, Majlis Peperiksaan Malaysia juga telah memilih calon cemerlang yang mendapat **Band 6** yang setara dengan **C2 pada CEFR** (*highly proficient user*) dalam **Malaysian University English Test (MUET)** pada tahun 2019, iaitu seorang daripada setiap sesi MUET 2019 akan diberikan Anugerah Pelajar Terbaik MUET 2019.
23. Selain itu, Majlis Peperiksaan Malaysia juga akan memberikan anugerah kepada seorang pelajar warganegara asing yang mendapat keputusan terbaik dalam **Ujian Sijil Kecekapan Bahasa Melayu bagi Warganegara Asing (SKBMW)** yang diselenggarakan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia sejak tahun 2015.
24. Pada tahun ini juga, **Persatuan Sejarah Malaysia** akan menyumbangkan Anugerah Pelajar Terbaik Sejarah STPM kepada seorang pelajar terbaik Sejarah STPM 2019. Diharapkan inisiatif seperti ini akan turut diikuti oleh persatuan akademik yang lain bagi menarik minat calon untuk mengambil STPM.

PENUTUP

25. MPM mempunyai jalinan akrab dan kolaborasi yang baik dengan **Cambridge Assessment International Education, United Kingdom** bagi memastikan sijil STPM diiktiraf setaraf dengan GCE Advanced Level yang diselenggarakan oleh Cambridge Assessment International Education, United Kingdom dan STPM

telah diiktiraf di seluruh dunia. Calon boleh menggunakan Sijil STPM untuk memohon ke universiti luar negara.

26. MPM juga akan memastikan peperiksaan STPM dan MUET dikelolakan mengikut standard piawaian seperti yang telah dianugerahkan kepada MPM dengan **Sijil Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2015 (QMS01934)** yang telah mendapat pengiktirafan antarabangsa.
27. Di samping itu Majlis Peperiksaan Malaysia akan terus memperkasakan jalinan hubungan dengan **International Association for Educational Assessment (IAEA), USA**, iaitu sebuah pertubuhan antarabangsa yang dianggotai oleh badan pentaksiran pendidikan yang terkemuka di dunia dan diiktiraf di peringkat antarabangsa dalam bidang pentaksiran selaras dengan keahlian MPM sebagai **Ahli Tetap** IAEA semenjak tahun 1984.
28. Pada kesempatan ini juga, sukacita saya memaklumkan bahawa Majlis Peperiksaan Malaysia telah melancarkan Sukatan dan Spesifikasi MUET yang selaras (*aligning*) dengan **Common European Framework of Reference (CEFR)** yang akan digunapakai sepenuhnya mulai Ujian MUET Sesi 1 2021 pada tahun hadapan. Standard Sukatan dan Spesifikasi MUET ini telah mengikut piawai antarabangsa dengan penglibatan profesor dan pakar-pakar bahasa Inggeris daripada pelbagai Universiti Awam, institusi-institusi tempatan, dan Cambridge Assessment English, UK.
29. MPM juga telah membentuk Jawatankuasa Penandaarasan MUET-IELTS bagi mengkaji kesetaraan MUET dengan IELTS.

Dapatan kajian mendapati MUET mempunyai **korelasi yang baik dengan IELTS**. Maklumat lanjut hasil kajian ini telah dibukukan dalam *Research Monograph* Kajian Penandaarasan MUET-IELTS yang boleh dirujuk di portal Majlis Peperiksaan Malaysia www.mpm.edu.my.

30. MUET telah berjaya dilaksanakan di peringkat antarabangsa pada bulan Jun 2019 di Jakarta dan bulan Julai 2019 di Lombok, Indonesia. Pada bulan Mac ini, pasukan MUET MPM telah dijemput khas oleh Gubernur Nusa Tenggara Barat, Lombok, Mataram, Indonesia untuk mengadakan Kursus Persediaan Program MUET kepada Tutor Rumah Bahasa di Lombok.
31. Pada kesempatan ini, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua pelajar yang berjaya dalam peperiksaan STPM 2019, MUET 2019, dan SKBMW 2019.
32. Tidak lupa sekalung syabas kepada ibu bapa, penjaga, guru, dan kepada semua pelajar STPM.
33. Bagi pelajar yang masih belum menunjukkan kejayaan memberangsangkan diharap tidak putus asa. Cuba lagi dalam peperiksaan STPM yang akan datang.
34. Kepada calon yang akan menduduki STPM 2020, diharapkan kejayaan calon STPM 2019 dapat dijadikan suntikan semangat dan motivasi.

35. Akhir kata, sebagai Pengerusi Majlis Peperiksaan Malaysia, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua;
- (a) Ahli Majlis,
 - (b) Ketua Eksekutif MPM,
 - (c) Warga MPM,
 - (d) Cambridge Assessment International Education, UK,
 - (e) *International Association for Educational Assessment (IAEA)*,
 - (f) Bahagian-Bahagian di Kementerian Pendidikan Malaysia sama ada di Sektor Pelajaran atau Sektor Pendidikan Tinggi, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah,
 - (g) Pengetua, guru, wakil industri,
 - (h) ibu bapa, calon, masyarakat, dan
 - (i) tidak ketinggalan juga kepada pihak media yang telah memberikan sokongan yang padu dan terus menerus kepada Majlis Peperiksaan Malaysia dalam mengangkat martabat dan memperkasakan STPM sebagai produk Malaysia (*Malaysia Brand*) yang menjadi kebanggaan kita.

Syabas **MPM**.

Sekian, terima kasih.

PROF. EMERITUS DATUK IR. DR. MOHD AZRAAI BIN KASSIM

Pengerusi

Majlis Peperiksaan Malaysia

yang juga

Naib Canselor Universiti Teknologi MARA (UiTM)

25 FEBRUARI 2020

Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) merupakan Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Ia ditubuhkan di bawah Akta Parlimen, Akta Majlis Peperiksaan Malaysia 1980 [Akta 225]. MPM merupakan sebuah badan pentaksiran yang diiktiraf di Malaysia untuk mengelolakan peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), ujian *Malaysian University English Test* (MUET) mengikut sesi dan mengikut kaedah *MUET on Demand* (MoD), dan Ujian Sijil Kecekapan Bahasa Melayu bagi Warganegara Asing (SKBMW). Sijil STPM telah diiktiraf pada peringkat antarabangsa, dan MPM telah berkolaborasi dengan *Cambridge Assessment, United Kingdom* sejak tahun 1980. Di samping itu, MUET telah disejajarkan dengan *The Common European Framework of Reference for Language* (CEFR) dan diiktiraf serta diterima oleh beberapa universiti terkemuka di luar negara.



Majlis Peperiksaan Malaysia
Persiaran 1, Bandar Baru Selangor
68100, Batu Caves, Selangor
☎ : +603-6126 1600
📠 : +603-6136 1488
✉ : ceo@mpm.edu.my
🌐 : www.mpm.edu.my